JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Accountant General's Department of Malaysia
NEGERI PAHANG
Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tel : 09-591 5000
Faks : 09-516 4931
Laman Web : https://pahang.anm.gov.my

Ruj. tuan :
Ruj. kami : ANM.PHG. 600.15/2/4 Jld 2 (98)
Tarikh : 16 November 2026

SURAT PERINGATAN PERTAMA

Senarai Edaran
(Seperti Di Lampiran A)

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada **para 2.6.4 dan para 2.7.2 Lampiran H: Semakan dan Pengesahan Laporan dalam Persekitaran Elektronik Sepenuhnya dan Sistem Terimaan (Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2025)**, PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam pelaporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki Terimaan dan mengemukakan kepada JANM Pahang selewat-lewatnya **pada 14 haribulan bulan berikutnya**.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Terimaan sehingga bulan Oktober 2026 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan bagi Jabatan-jabatan dibawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan Oktober 2026.**

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Terimaan kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Terimaan yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri).** Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

i) Puan Norhasmida binti Mohd Yusof 09-5915022

Sekian terima kasih.
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMAD ARMAN BIN RAZALI C.A(M).CPA(M))
Timbalan Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang